

UNDI18: Analisa Keperluan Literasi Politik Pengundi Muda Melayu Johor di Institusi Pengajian Tinggi Awam Pasca PRN Johor Ke-15

Sulaiman Mahzan^{1,2*}, Siti Fairuz Nurr Sadikan³, Suhaila Osman^{2,4}, Mohd Ab Malek Md Shah¹, Mohd Risham Jaafar^{2,5}, Muhammad Safuan Abdul Latip^{2,6}, Ahmad Mudzfir Zubir^{2,7}, Shamsol Shafie^{1,2}

¹ Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka.

² Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK)-

³ Fakulti Perladangan & Agroteknologi, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka

⁴ Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik & Matematik, Universiti Teknologi MARA Johor Kampus Segamat

⁵ Universiti Teknologi MARA Pahang

⁶ Universiti Teknologi MARA Terengganu

⁷ Universiti Teknologi MARA Kelantan

*Corresponding Email: sulaiman@uitm.edu.my

Received: 11th July 2023

Accepted: 20th September 2023

ABSTRAK

Pilihanraya Negeri Johor ke-15 merupakan satu ujian pertama kepada pelaksanaan penurunan had mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun atau dikenali Undi18. Namun, berlaku kemerosotan peratusan yang keluar mengundi berbanding ketika Pilihanraya Umum Ke-14 apabila hanya 54.92% pengundi yang layak telah melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Antara faktor menyumbang kepada kemerosotan ini adalah berpunca kepada pelaksanaan Undi18 yang gagal menarik minat golongan berkenaan untuk terlibat dalam proses demokrasi politik negara kerana tahap literasi politik adalah sederhana. Pengundi muda Melayu di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dianggap mempunyai tahap literasi politik yang tinggi apatah lagi tahap keperluan literasi politik dalam kalangan mereka, namun tiada bukti mengesahkannya. Lantaran itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenalpasti sejauhmana keperluan literasi politik ke atas pengundi muda Melayu di IPTA. Satu set soal selidik dibangunkan untuk mendapatkan maklum balas daripada responden. Seramai 558 responden yang berasal dari negeri Johor telah memberikan maklum balas dalam kajian ini dan kaedah penyelidikan kualitatif digunakan untuk menganalisa maklum balas yang diberikan. Hasil maklum balas yang telah dianalisa dibahagikan kepada tiga kategori iaitu pandangan positif, negatif dan berkecuali. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa 83.5% daripada keseluruhan responden memberikan pandangan positif kepada keperluan literasi politik dalam kalangan pengundi muda Melayu di IPTA. Oleh demikian, terdapat keperluan dan penerimaan yang positif dalam kalangan pengundi muda Melayu di IPTA terhadap apa-apa usaha yang mampu meningkatkan literasi politik kepada mereka

Kata Kunci: Literasi Politik, Pengundi Muda, PRN15 Johor, Undi18

1.0 PENGENALAN

Parlimen Malaysia telah pun meminda Perlembagaan Malaysia yang membolehkan perubahan kepada lanskap politik negara yang mengamalkan sistem politik Demokrasi Berparlimen, Raja Berperlembagaan. Antara intipati pindaan ini ialah dengan menurunkan had kelayakan umur rakyat sebagai pengundi dalam pilihanraya parlimen, menjadi calon dan wakil rakyat untuk Dewan Parlimen malah terlibat aktif dalam politik daripada berumur 21 tahun kepada 18 tahun serta pelaksanaan pendaftaran pengundi secara automatik. Perubahan yang paling menarik perhatian ialah penurunan had kelayakan mengundi yang dilaksanakan secara. Ini selaras dengan negara-negara maju lain seperti di United Kingdom, Amerika Syarikat, Jerman, Jepun dan Perancis yang telah lebih lama melaksanakannya. Malah, negara-negara membangun seperti India, Pakistan, Vietnam, Thailand dan lain-lain juga turut melaksanakan penurunan had kelayakan mengundi dan terlibat aktif dalam politik pada usia 18 tahun. Tidak keterlaluan mengatakan bahawa terdapat juga negara lain yang telah lama menurunkan had kelayakan rakyat mereka sebagai pengundi sehingga seawal 17 tahun seperti di Indonesia malah negara seperti Austria, Brazil, Cuba dan Malta telahpun membenarkan rakyat seawal usia 16 tahun untuk turun mengundi.

Namun, Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berasaskan kepada sistem persekutuan. Di peringkat persekutuan, sistem demokrasi dilaksanakan menerusi dua dewan iaitu dewan rakyat dan dewan negara. Hanya ahli dewan rakyat sahaja yang dipilih oleh pengundi mengikut bahagian parlimen yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (SPR). Manakala di peringkat negeri pula hanya diwakili oleh satu dewan iaitu Dewan Undangan Negeri (DUN) atau Dewan Negeri (DN). Pemilihan ahli dewan ini juga dilakukan sama seperti memilih ahli dewan rakyat iaitu menerusi pilihanraya mengikut bahagian DUN masing-masing yang juga diselaraskan oleh SPR. Selaras dengan perubahan perlembagaan di persekutuan, adalah menjadi kebiasaannya negeri-negeri dalam persekutuan juga turut mengikut jejak langkah agar ia selari dengan kehendak sistem demokrasi berkenaan. Untuk itu, Dewan Negeri Johor pada 5 Januari 2022 telah meluluskan draf pindaan perlembagaannya iaitu Undang-undang Tubuh Negeri Johor yang membawa maksud yang sama dengan pindaan perlembagaan di peringkat persekutuan.

Perubahan ini semestinya memberikan impak kepada sejauhmana kesediaan pengundi-pengundi muda seawal umur 18 tahun setelah sekian lama polisi pengundi berusia 21 tahun ke atas dilaksanakan sejak tahun 1955. Pelaksanaan kelayakan pengundi seawal 18 tahun ini atau dikenali Undi18 telah pun dilaksanakan pertama kali dalam Pilihanraya Dewan Negeri (PRN) Johor pada Mac 2022. Namun, ia tidak memberikan implikasi yang positif terhadap peratusan yang turun mengundi apabila hanya 54.92% sahaja yang turun melaksanakan tanggungjawab untuk mengundi (Junaidi et al., 2022). Pelbagai faktor yang menyumbang kepada permasalahan itu berlaku antaranya penglibatan pengundi muda. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Mohd Azmir dan Afi Roshezry (2022) pada PRN Johor mendapati tahap sosialiasi politik dalam kalangan pengundi muda adalah rendah, selain tidak konsisten dan komitmen yang jitu terhadap parti politik dan sistem pilihanraya.

2.0 KAJIAN LITERATUR

2.1 Polemik Penurunan Had Mengundi


Walaubagaimanapun, terdapat kecenderungan pengundi untuk turun mengundi berdasarkan beberapa faktor. Antara faktor yang mempengaruhi pengundi untuk turun mengundi ialah calon, manifesto, isu, calon perdana menteri oleh parti, polisi/dasar kerajaan dan parti (Noor Amira & Junaidi, 2022). Namun ia tidak semestinya mempengaruhi pengundi muda yang merupakan golongan yang pertama kali turun mengundi dan memilih pemimpin yang pada hemat mereka sesuai untuk memimpin negara (Yazid et al., 2020). Pengundi muda didakwa cukup kritikal untuk dijangka sejauhmana penyertaan mereka terhadap keperluan mengundi. Golongan ini sebenarnya memberikan kesan yang signifikan terhadap sebarang keputusan pilihanraya. Menurut Ramli et al., (2018),

golongan ini tidak teragak-agak untuk memberikan sokongan kepada parti pembangkang sekiranya pihak kerajaan gagal memberikan maklum balas segera ke atas aspirasi mereka.

Namun, tidak semua bersetuju dengan dasar penurunan had pengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun. Ini kerana golongan berumur 18-19 tahun masih lagi belum matang dan mudah terpengaruh janji-janji politik yang tidak masuk akal walaupun golongan berkenaan menyambut baik penurunan had mengundi (Khairunnisa'a & Junaidi, 2020). Pengundi muda merupakan golongan yang paling terkesan dengan perubahan teknologi maklumat dan komunikasi. Mereka lebih terdedah kepada apa-apa sahaja maklumat yang dilaporkan dalam media-media baharu (Amer et al., 2010). Menurut Mohd Azmi & Afi Roshezry (2022), pengundi muda amat berisiko dengan akses maklumat yang pelbagai dalam medial sosial yang akhirnya mudah mempengaruhi perubahan corak pemikiran mereka sehingga mampu menggugat keselamatan negara. Lantaran itu, amat penting penerapan literasi politik bertujuan memberikan pemahaman yang baik dalam sistem politik demokrasi negara dalam kalangan pengundi muda.

2.2 Pengundi Melayu Johor

Berdasarkan Buku Laporan Anggaran Penduduk Semasa Malaysia 2023 yang diterbitkan pada Julai 2023 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan bahawa orang Melayu membentuk 54.83% daripada jumlah penduduk di negeri Johor iaitu 2,208,600 orang daripada 4,028,300 orang jumlah keseluruhan penduduk (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023). Menurut Junaidi (2020), pengundi Melayu membentuk 54.67% daripada keseluruhan jumlah pengundi di negeri Johor dan menjadikan bangsa berkenaan kelompok terbesar berbanding kaum Cina (37.58%), India (6.52%) dan etnik lain (1.24%). Manakala berdasarkan infografik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) (2022) mengenai pemilih yang berdaftar ketika Pilihanraya Umum Dewan Negeri Johor ke-15 menyaksikan golongan pengundi muda merupakan golongan terbesar berdasarkan Rajah 1. Kelompok pengundi muda yang berusia 18-20 dan 21-29 tahun yang masing-masing menyumbang kepada 6.67% dan 21.86% daripada jumlah pengundi di Johor.



Rajah 1. Taburan pengundi mengikut kelompok umur (Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia, 2022)

Bilangan pengundi Melayu yang besar ini telah menyebabkan banyak perkara dan isu-isu berkaitan bangsa ini turut menjadi perhatian utama dalam isu-isu politik yang dimainkan oleh mana-mana parti politik. Biarpun isu-isu berkaitan 3R iaitu agama, bangsa dan raja masih menjadi faktor yang mempengaruhi kebanyakan pengundi Melayu selain isu-isu pembangunan dibangkitkan, namun naratif baharu seperti tadbir urus yang baik, pendemokrasian, integriti dan ketelusan mula mendapat tempat dalam kalangan pengundi Melayu di Johor (Shah Mohd Akmal, 2022). Menurut Zawiyah

(2021), wujud perubahan budaya politik orang Melayu daripada budaya politik *subject* kepada budaya politik *participant* sejak 2007 dan kemuncaknya ketika PRU ke-14. Ini dibuktikan dengan berlaku perubahan pola sokongan sebilangan pengundi Melayu Johor ketika PRU ke-14 terutamanya pola perubahan dalam kalangan pengundi muda yang dipengaruhi oleh media sosial. Walau bagaimanapun, pendekatan politik berteraskan Melayu dan mempunyai nilai sentimental masih lagi kekal relevan dalam kalangan pengundi Melayu di Johor (Muhammad Marwan & Supyan, 2022).

2.3 Senario Politik Johor Pasca PRU ke-14 sehingga Pasca PRN ke-15

Ketidaktentuan situasi politik di Johor berlaku sejak perubahan tampuk pemerintahan kerajaan negeri Johor lantaran kekalahan parti Barisan Nasional (BN) yang ditunjangi oleh parti UMNO buat pertama kalinya dalam sejarah kepada parti Pakatan Harapan (PH) dalam PRU Ke-14 pada tahun 2018. Ia disusuli dengan beberapa Ahli Dewan Negeri daripada parti BN telah mengisytiharkan keluar parti dan kemudiannya melompat ke parti Bersatu yang merupakan salah satu parti komponen PH beberapa bulan selepas itu. Adegan melompat parti ini telah menjadikan kedudukan parti PH sangat kukuh di Johor. Situasi yang tidak menyebelahi parti BN ini telah membuatkan mereka berkompromi dengan parti PAS. Namun, timbul persepsi bahawa beberapa keputusan kerajaan yang dilihat seolah-olah tidak memihak kepada orang-orang Melayu telah menyebabkan kekusaran wujud dalam kalangan orang Melayu ketika itu (Zawiyah, 2021). Manifestasi daripada kekusaran itu telah memberikan manfaat kepada gabungan parti BN dan PAS yang seterusnya berjaya memberikan kesan dengan mencipta kemenangan demi kemenangan dalam pilihanraya kecil bagi kawasan mempunyai peratusan majoriti yang tinggi pengundi Melayu selepas itu.

Pengukuhan kelangsungan politik orang-orang Melayu dilihat seringkali mendapat perhatian oleh parti UMNO/BN dan PAS yang seterusnya berjaya mengekalkan hagemoni mereka (Ilyas, 2021). Siri kemenangan yang diperolehi oleh gabungan parti BN dan PAS telah menggugat kedudukan parti Bersatu yang merupakan parti berteraskan Melayu dalam PH apabila turut kalah dalam pilihanraya kecil di Dewan Undangan Negeri Semenyih di Selangor pada Mac 2019. Klimaks kemenangan bergaya parti BN dalam pilihanraya kecil di Tanjung Piai pada September 2019 telah memberikan tamparan yang hebat kepada parti Bersatu. Parti Bersatu berada dalam dilema untuk terus kekal dalam gabungan PH apabila menyedari orang-orang Melayu semakin menjauhi PH (Wan Saiful, 2020). Rentetan itu, perubahan tampuk kepimpinan negara berubah pada tahun 2020 apabila parti Bersatu mengumumkan keluar daripada gabungan PH bersama-sama sebahagian ahli parlimen PKR dan seterusnya membentuk kerajaan baharu bersama BN dan PAS dan Perdana Menteri yang dipilih adalah dari parti Bersatu (Junaidi, 2021). Keadaan yang serupa berlaku kepada beberapa negeri-negeri di Malaysia termasuklah di Johor tetapi jawatan Menteri Besar bertukar kepada UMNO/BN.

Namun, gabungan politik ini tidak mampu mengekalkan kestabilan politik seperti mana diharapkan apabila keseteruan antara parti UMNO dan Bersatu yang berlaku sejak penubuhan Bersatu tidak berjaya ditangani dengan baik oleh kedua-dua pihak. Ia juga berikutan penubuhan gabungan parti Perikatan Nasional (PN) yang terdiri daripada parti Bersatu dan PAS. Pada tahun 2021, negara sekali lagi menyaksikan perubahan kepimpinan apabila jawatan Perdana Menteri bertukar kepada parti UMNO/BN tetapi gabungan parti PN kekal dalam kerajaan. Ia juga memberikan implikasi kepada situasi politik di Johor. Kemelut politik ini berterusan sehinggalah parti UMNO/BN dan Perikatan Nasional (PN) bertanding secara berasingan dan wujud pertembungan tiga gabungan politik dalam PRN Negeri Melaka pada November 2021.

Situasi politik di Johor dilihat tidak stabil memandangkan gabungan parti memerintah iaitu parti BN dan PN hanya memiliki kelebihan satu kerusi berbanding jumlah kerusi yang dikuasai oleh PH dan tiada undang-undang mengekang ahli dewan negeri untuk melompat parti selain perseteruan UMNO dan Bersatu semakin membarah. Ketidakstabilan politik di Johor ini cuba diredakan menerusi titah Sultan Johor, namun ia akhirnya dirungkaikan dengan perkenan Sultan Johor untuk pembubaran Dewan Negeri Johor bagi memberikan laluan kepada Pilihanraya Negeri Johor ke-15. Pengundi di Johor telah membuat pilihan dengan menoktahkan ketidakstabilan politik dengan memberikan

kemenangan kepada parti BN. Menurut Suhaimie, ~~Mohd Khairuddin & Ahmad Danial Fariset al.~~ (2021²), faktor ketidakstabilan politik merupakan salah satu faktor utama yang memberikan kesan psikologi kepada pengundi di Johor. Walaupun demikian, ketidaktentuan politik di peringkat nasional masih lagi melingkari senario politik sehingga hari ini apabila tiada satu gabungan parti yang berjaya memenangi majoriti mudah dalam Pilihanraya Umum Ke-15. Ini seterusnya memberikan kesan kepada pengundi terutamanya kepada pengundi muda dalam membuat keputusan mengenai politik.

2.4 Kepentingan Literasi Politik

Literasi politik merujuk kepada kemampuan pengundi untuk memahami, menganalisis, dan terlibat dalam proses politik. Ini termasuk pemahaman terhadap sistem politik, institusi politik, proses membuat keputusan politik, dan isu-isu politik yang relevan (Denver & Hands, 1992). Literasi politik juga melibatkan pengetahuan pengundi tentang struktur dan fungsi pemerintahan, hak dan tanggungjawab warganegara, serta pemahaman terhadap konsep-konsep politik seperti demokrasi, hak asasi manusia, keadilan sosial, dan kebebasan bersuara. Selain itu, literasi politik juga membolehkan pengundi untuk menganalisa maklumat berkaitan politik, memahaminya dalam pelbagai perspektif dan dapat mengenalpasti propaganda atau manipulasi politik. Literasi politik yang baik dalam kalangan pengundi muda memberikan kesan yang sangat baik dalam sistem demokrasi (Jasmi et al., 2018).

Secara tradisi, literasi politik diterapkan oleh ibu bapa mahupun golongan yang dipercayai oleh para pengundi seperti pendidik, rakan-rakan mahupun masyarakat setempat. Namun, ledakan teknologi maklumat telah memberikan kesan secara langsung kepada pengundi muda kerana pelbagai maklumat disajikan kepada pengundi muda tanpa sebarang batas mahupun tanpa bimbingan daripada golongan yang mampu memberikan input berguna sebelum mereka membuat sebarang keputusan politik. Kajian yang dilakukan oleh Abdul Salim (2018), membuktikan bahawa kepercayaan pengundi Melayu sangat dipengaruhi oleh faktor media massa atau media sosial. Selain itu, ia dapat membendung implikasi buruk daripada pendedahan maklumat yang pelbagai daripada media sosial. Mereka dapat memahami kempen atau isu politik disampaikan melalui media dan membezakan antara fakta, pendapat, atau propaganda (Jasmi et al., 2018). Kemahiran ini membantu mereka membuat keputusan yang lebih rasional dan tidak mudah dipengaruhi oleh manipulasi politik atau maklumat serta mengambilkira pelbagai aspek keunikan negara Malaysia ketika memilih calon atau parti politik.

Namun, dalam kajian yang dilakukan oleh Khairunisa'a dan Junaidi (2022) menunjukkan bahawa kadar literasi politik dalam kalangan pengundi muda adalah pada tahap sederhana. Ini memerlukan usaha daripada semua pihak dalam memastikan golongan ini mampu menyumbang kepada pembentukan negara yang mampan dan progresif selain mengekalkan ciri-ciri tradisi yang merupakan keunikan negara Malaysia. Walaupun, pengundi muda yang terdiri daripada pelajar di institusi pengajian tinggi dilihat seolah-olah memiliki kadar literasi politik yang tinggi disebabkan tahap pendidikan mereka. Namun ia tidak boleh dijadikan ukuran secara andaian dalam mengukur tahap literasi politik dalam kalangan mereka. Lantaran itu, satu analisa perlu dibangunkan untuk mengenalpasti sejauhmana keperluan pendidikan literasi politik dalam kalangan pengundi muda di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

3.0 METODOLOGI

Kajian ini dibangunkan bertujuan untuk menganalisa sejauhmana keperluan literasi politik ke atas pengundi muda Melayu di IPTA. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan pendekatan kualitatif iaitu responden bebas untuk menjawab soalan yang diajukan tanpa apa-apa nilai tertentu diukur secara objektif seperti perwakilan nombor bagi mewakili sesuatu dapatan.

3.1 Populasi dan Saiz Sampel

Satu set soalan dibangunkan dengan menggunakan aplikasi Google Form dijadikan sebagai instrumen kajian. Penggunaan aplikasi Google Form digunakan berbanding menggunakan kaedah temubual bersemuka untuk membolehkan kajian kualitatif dilakukan pada skala yang lebih besar iaitu melibatkan lebih ramai responden tetapi dalam masa yang sama dapat menjimatkan kos dan masa kajian. Seramai 558 responden telah dipilih secara persampelan mudah dan memberikan maklum balas ke atas persoalan dalam aplikasi Google Form yang diedarkan kepada responden menerusi aplikasi Whatsapp. Bagi memudahkan penelitian ke atas responden dari bangsa Melayu, pemilihan responden dari Universiti Teknologi MARA ([UiTM](#)) dilihat mempunyai signifikansi yang baik. Pemilihan ini memudahkan penyelidik untuk terus mendapatkan sebanyak mungkin responden tanpa memerlukan saringan berdasarkan kaum yang ketat. Hanya responden dari [Universiti Teknologi MARA; iTM](#) Johor, [Universiti Teknologi MARA; iTM](#) Melaka dan [Universiti Teknologi MARA; iTM](#) Pahang yang terlibat dalam kajian ini selain daripada lokasinya berada atau berdekatan dengan negeri Johor yang terlibat sebagai subjek kajian, ia juga bertujuan memudahkan penyelidik untuk turun kelapangan dan membuat kaji selidik.

3.2 Instrumen Kajian

Set soalan yang dikemukakan terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian pertama bagi mengetahui demografi umum responden iaitu umur, jantina, negeri tempat tinggal, lokasi tempat tinggal, pernah mengundi dalam mana-mana pilihanraya sama ada PRU atau PRK sebelum ini dan tempat mengundi. Bahagian kedua pula untuk mendapatkan respon daripada responden mengenai kepentingan literasi politik (atau pendidikan pilihanraya) terhadap pengundi muda Melayu di IPTA. Hanya satu soalan terbuka diajukan dalam bahagian ini diajukan kepada responden mengenai kepentingan pendidikan pilihanraya/literasi politik terhadap pengundi muda. Untuk menjawab soalan ini, responden hanya perlu menyatakan apa-apa pandangan atau pendapat dalam set soalan berkenaan. Bagi menjaga kerahsiaan dan membolehkan responden untuk memberikan pandangan tanpa rasa bimbang, responden tidak diminta untuk menyatakan apa-apa pengenalan diri seperti nama mahupun nombor kad matrik pelajar. Lantaran itu, identiti responden hanya dilabelkan sebagai responden 1 hingga responden 546 sebagai identiti rujukan untuk perbincangan kajian ini.

3.3 Analisis Data

Data yang diperolehi dianalisa dengan menggunakan perisian MS Excel dan dibahagikan kepada tiga kategori pandangan iaitu pandangan positif, pandangan berkecuali dan pandangan negatif. Pandangan responden yang cenderung kepada menyokong atau bersetuju dengan persoalan kajian telah dikelaskan sebagai pandangan positif. Manakala, sekiranya pandangan yang diberikan oleh responden lebih cenderung kepada menolak atau tidak bersetuju dengan persoalan kajian pula dikategorikan sebagai pandangan negatif. Sebaliknya kategori pandangan berkecuali pula merupakan pandangan yang diberikan tidak menunjukkan kecenderungan bersifat memihak sama ada bersetuju atau tidak bersetuju terhadap persoalan kajian. Terdapat juga responden yang tidak memberikan apa-apa respon terhadap soalan yang diutarakan dan ia juga dikategorikan sebagai pandangan berkecuali. Namun, 6 daripada 558 responden tidak diambilkira dalam kajian ini kerana memberikan jawapan yang di luar konteks kajian. Oleh demikian hanya 546 responden sahaja iaitu 98% hasil maklum balas sahaja dikaji, diselidik dan seterusnya dikelaskan kepada tiga jenis pandangan iaitu pandangan positif, pandangan negatif dan pandangan berkecuali.

4.0 DAPATAN KAJIAN

4.1 Bahagian Pertama: Demografi responden

Secara keseluruhannya, semua responden iaitu seramai 546 responden merupakan pelajar yang sedang melanjutkan pengajian di institusi pengajian awam. Peratusan mengikut jantina pula memperlihatkan bahawa 76.2% atau 416 responden merupakan pelajar perempuan. Manakala bakinya iaitu 24.8% ialah pelajar lelaki. Rata-rata responden yang terlibat adalah berumur seawal 16 tahun sehinggalah ke usia 22 tahun. Namun, seramai 470 responden yang mewakili 86% atau menjadi majoriti daripada keseluruhan responden ialah mereka berusia 18 tahun dan 40 responden (7.3%) ialah berumur 19 tahun.

Jadual 1. Demografi responden

Latar belakang responden		Bilangan	Peratus
Jantina	Lelaki	130	24.8%
	Perempuan	416	76.2%
Umur	16	1	0.2%
	17	12	2.2%
	18	470	86.1%
	19	40	7.3%
	20	18	3.3%
	21	1	0.2%
	22	4	0.7%
Taburan lokasi	Bandar	283	51.8%
	Luar Bandar	263	48.2%
Pernah mengundi	Ya	39	7.1%
	Tidak	507	92.9%

Jadual 1 di atas juga menunjukkan mengenai taburan lokasi responden. Terdapat 283 responden atau 51.8% menetap di kawasan bandar dan 48.2% pula menetap di kawasan luar bandar. Selain itu, agak menarik untuk diulas ialah sejauhmana responden pernah mengundi di kawasan pilihanraya masing-masing. Hanya 7.1% iaitu 39 daripada 454 responden sahaja mengakui bahawa mereka pernah mengundi sebelum ini. Malangnya sejumlah besar iaitu 507 responden atau 92.9% menyatakan bahawa mereka tidak pernah mengundi walaupun pendaftaran automatik sebagai pengundi juga telah berkuatkuasa beberapa bulan sebelum itu. Namun, ia tidak boleh dijadikan indikator kerana boleh jadi ketika PRN Johor yang lalu, mereka masih belum cukup usia 18 tahun sepertimana disyaratkan dalam peraturan pilihanraya.

4.2 Bahagian Kedua: Keperluan Literasi Politik kepada Pengundi Muda Melayu di IPTA

Hasil analisa kualitatif dengan merumuskan kecenderungan daripada maklum balas yang diterima oleh responden-responden yang diterima, maka maklum balas dibahagikan kepada tiga iaitu pandangan positif, pandangan negatif dan pandangan berkecuali. Jadual 2 di bawah menunjukkan kategori pandangan responden iaitu seramai 454 responden atau mewakili 83.2% dari jumlah keseluruhan responden memberikan pandangan yang positif. Manakala seramai 83 responden atau 15.2% sahaja yang memberikan pandangan yang berkecuali iaitu tidak memberikan apa-apa komen atau maklum balas mahupun hanya memberikan simbol terhadap soalan ini seperti tanda palang (-) ataupun simbol bagus. Sebaliknya cuma 1.6% daripada jumlah responden iaitu 9 orang sahaja yang memberikan pandangan yang negatif terhadap persoalan kajian ini.

Jadual 2. Pembahagian Kategori Pandangan Responden

Kategori Pandangan	Responden	Peratus
Positif	454	83.2%
Berkecuali	83	15.2%
Negatif	9	1.6%

Sejumlah 454 responden atau mewakili 83.2% daripada keseluruhan responden telah memberikan pandangan yang positif terhadap kepentingan literasi politik dalam kalangan pengundi muda Melayu di IPTA. Kebanyakan responden memberikan komen-komen yang lebih cenderung kepada bersetuju dan secara langsung membantu mereka dalam membuat keputusan yang tepat dalam politik seperti;

“Membantu kami membuat pilihan dengan lebih bijak dan profesional”
(Responden 23)

“Pengundi muda mampu membuat keputusan untuk mengundi dengan tepat.”
(Responden 46)

“Untuk menjadikan pengundi muda berfikiran terbuka untuk membuat keputusan yang tepat”
(Responden 132)

“Supaya pengundi muda boleh mengundi dengan menggunakan akal nya”
(Responden 220)

“Pengundi muda perlu memilih calon yang tepat dan berwibawa bukan hanya dari percakapan dan manifesto sahaja, malah melakukan yang terbaik demi kesejahteraan rakyat serta menjamin masa depan generasi akan datang. Kemajuan negara dalam bidang politik bergantung atas pilihan rakyat dalam memilih calon.”
(Responden 62)

Ada juga berpendapat literasi politik juga mampu memberikan kesedaran kepada mereka akan kepentingan untuk turun mengundi seperti;

“Pilihanraya penting untuk memilih pemimpin yang tepat dalam mentadbir dan memajukan negara serta memajukan dan memodenkan kehidupan rakyat”.
(Responden 112)

“Pendidikan ini amatlah bagi mereka mengetahui apakah sebab utama mereka mengundi kerana pilihanraya juga adalah untuk diri sendiri”.
(Responden 222)

“Pada pendapat saya, pengundi muda perlulah diberi penjelasan tentang pilihan raya terutamanya kepada pengundi yang pertama kali mengundi. Hal ini kerana, pengundi muda terdiri daripada golongan yang berumur dari 18 tahun. Pada pandangan saya,

tidak kesemua pengundi yang berumur 18 tahun bersifat matang dalam pemikiran. Sebahagian daripada mereka mudah dipengaruhi oleh rakan sebaya atau mudah untuk menerima sogokan untuk mengundi parti tertentu. Oleh itu, pendidikan pilihan raya amatlah penting bagi pengundi muda untuk mengajar mereka tentang tatacara serta peraturan-peraturan berkaitan pilihan raya memandangkan golongan muda kurang informasi tentang pilihan raya. Hal ini juga bagi mempersiapkan diri mereka untuk mengundi serta memilih parti yang betul.”

(Responden 239)

Ini menunjukkan kepercayaan mereka terhadap kepentingan literasi politik dalam menanam rasa warga negara yang bertanggungjawab dengan turun mengundi ketika berlangsungnya sesuatu pilihanraya. Responden juga menaruh kepercayaan bahawa literasi politik yang baik juga perlu mempunyai pengetahuan yang cukup dalam sistem pilihanraya dan bagaimana ia dilaksanakan. Selain itu, menerusi literasi politik juga membolehkan mereka mempunyai pengetahuan dalam memilih pemimpin yang terbaik untuk mereka seperti pandangan berikut;

“Supaya pengundi muda bijak mengundi calon yang layak.”

(Responden 43)

“Pada pendapat saya, pengundi muda mestilah terbuka dengan pendidikan pilihanraya ini agar dapat memilih pemimpin yang akan berjaya memajukan negara.”

(Responden 50)

“Pengundi muda perlu memilih calon yang tepat dan berwibawa bukan hanya dari percakapan dan manifesto sahaja, malah melakukan yang terbaik demi kesejahteraan rakyat serta menjamin masa depan generasi akan datang. Kemajuan negara dalam bidang politik bergantung atas pilihan rakyat dalam memilih calon.”

(Responden 62)

“ Penting kerana;

1. Supaya mereka memilih pemimpin berdasarkan tindakan yang bakal dilakukan bukan dengan hanya berjanji kata kosong sahaja. Anak muda tidak mudah terpedaya dengan kata-kata manis sahaja.

2. Supaya anak tidak memilih rupa agar mengelakkan terumbang-ambing pentadbiran dijalankan oleh pemimpin baharu.

Itu sahaja pendapat saya. Untuk meneraju kemajuan negara perlu memilih pemimpin yang amanah, bijak serta adil. Bukan berkata manis dan menerima rasuah atau memberi rasuah kepada mana-mana pihak”.

(Responden 151)

“Memberi kesedaran kepada pengundi muda untuk menjadikan negara kita negara yang bebas dari sebarang masalah politik yang akan menyebabkan berlakunya perbalahan di antara satu sama lain.”

(Responden 113)

“Supaya mereka tidak dipengaruhi dengan propaganda”

(Responden 311)

Menerusi literasi politik, responden percaya mereka mampu membuat penilaian yang berkesan dengan mengambilkira pelbagai aspek dan tidak mudah terpedaya dengan propaganda yang dimainkan oleh calon atau parti politik yang bertanding. Responden juga berpandangan bahawa literasi politik juga mampu memberikan ruang dan peluang kepada mereka untuk terbuka dalam membincangkan isu-isu politik dan bersikap rasional terhadapnya. Ini dibuktikan dengan;

“Kepentingan pengundi muda perlu mengambil berat terhadap pilihan raya kerana suara anak muda zaman sekarang sangat terpengaruh dan tanggungjawab atas pentadbiran yang stabil dan aman serta boleh meningkatkan ekonomi negara kita yang semakin merosot.”

(Responden 162)

“Penting agar pengundi muda dapat melibatkan diri dalam mengetahui hal ehwal semasa politik”.

(Responden 539)

Implikasi daripada senario politik yang tidak stabil juga memangkin keperluan literasi politik kepada golongan pengundi muda. Ketidakstabilan politik yang berpanjangan secara langsung telah memberikan kesan kepada responden. Responden percaya bahawa literasi politik yang baik juga mampu menjamin kestabilan politik untuk jangka panjang. Ini diakui dengan pandangan berikut;

“Untuk mewujudkan kestabilan politik dan kemakmuran negara agar semua pengundi muda cakna tentang satu undi memberi kesan kepada negara dan dapat beri kesedaran kepada anak muda”.

(Responden 124)

“Pada pandangan saya, kepentingan pendidikan pilihanraya terhadap pengundi muda ialah dapat memastikan pengundi muda memilih pemimpin yang boleh menstabilkan dan memajukan negara dengan aman”.

(Responden 519)

“Dapat menyumbang pendapat dan menjalankan tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia untuk memajukan sistem pentadbiran negara agar menjadi lebih mantap.”

(Responden 554)

Secara keseluruhannya, boleh disimpulkan bahawa responden-responden kategori ini memberikan satu tanggapan bahawa literasi politik mampu memberikan impak yang baik kepada pengundi-pengundi muda agar bukan sahaja mempunyai pengetahuan yang cukup dalam politik malah memiliki kemahiran-kemahiran yang diperlukan dalam mendapatkan maklumat yang tepat dan betul.

Sebaliknya, sebanyak 83 pandangan responden dikategorikan sebagai pandangan berkecuali. Antara contoh respon yang diberikan oleh responden seperti “entah” (Responden 310) dan “tidak tahu” (Responden 546) apabila menjawab soalan mengenai kepentingan literasi politik. Ini menunjukkan bahawa sebilangan kecil pengundi muda kurang mengambil berat akan kepentingan literasi politik dalam membantu mereka dalam membuat keputusan yang bijak dalam politik tanahair.

Ada juga yang tidak memberikan apa-apa komen terhadap soalan yang dikemukakan. Pelbagai kemungkinan-kemungkinan yang boleh dilontarkan bagi merungkai pandangan mereka ini antaranya disebabkan kelelahan politik, rasa tidak mahu terlibat dalam politik, bahkan boleh jadi tanggapan mereka bahawa literasi politik tidak diperlukan dalam membuat keputusan politik.

Namun, hanya 9 pandangan responden atau hanya 1.6% pula dikategorikan sebagai pandangan negatif terhadap kepentingan literasi politik dalam kalangan pelajar Melayu muda di IPTA. Antara pandangan yang boleh disimpulkan dalam respon mereka adalah seperti ‘tidak penting’ (Responden 65) dan ‘tidak perlu’ (Responden 199). Ada responden juga berpendapat;

“pengundi muda berumur 18 tahun adalah tidak sesuai bagi mengikuti proses pengundian kerana tidak semua pelajar lepasan SPM mengetahui isu semasa sama ada luar dan di dalam negara dan kebanyakan mereka akan mengundi mengikuti pengaruh rakan rakan mereka”.

(Responden 191)

Ini seolah-olah responden ini bukan sahaja tidak bersetuju dengan persoalan kajian, malah tidak bersetuju dengan pelaksanaan penurunan had umur mengundi pada usia 18 tahun. Ia juga hampir sama dengan salah satu respon daripada responden iaitu;

“Tidak digalakkan kerana pengundi muda masih tidak mendapat gambaran yang jelas tentang apa yang perlu mereka undi .”

(Responden 399)

Malah ada responden agak beremosi dengan menyatakan pendapat bahawa sistem politik tidak memberikan apa-apa perubahan kepada Malaysia. Seolah-olah memberikan gambaran bahawa sistem politik negara tidak memberikan apa-apa kesan langsung kepada pengundi. Malah ada pandangan yang memberikan input yang agak menarik walaupun bersifat negatif seperti;

“Sangat tidak setuju. Belum bersedia. Sepatutnya diberikan pendedahan dahulu di peringkat sekolah menengah”

(Responden 182)

Walaupun pendapat itu seolah-olah memberikan konotasi negatif terhadap kepentingan literasi politik di IPTA, namun responden juga berpendapat ia sepatutnya dilakukan di peringkat lebih awal ketika zaman sekolah.

Namun, pandangan daripada responden yang ditolak dalam kajian ini adalah cukup menarik untuk dibincangkan. Terdapat 12 responden tidak menjawab persoalan yang diberikan sebaliknya menjawabnya memberikan maklum balas yang di luar konteks seperti;

“Saya bangga menjadi anak muda”

(Responden 22)

“Pengundi muda lebih ramai”

(Responden 127)

Ini seolah-olah wujud kesedaran dalam diri mereka bahawa mereka juga mempunyai peranan dalam menentukan jatuh bangun sesebuah negara. Namun, ia tidak mencerminkan secara jelas kepentingan literasi politik kepada mereka. Selain itu, maklum balas lain seperti;

‘Jadilah orang yang bertaqwa dalam memimpin sesuatu amanah’

(Responden 31)

“Saya rasa perlu perbanyakkan peruntukan untuk siswa dan siswi”

(Responden 55)

“Jangan rasuah”

(Responden 142)

“Dapat bersua juga”

(Responden 480)

dan lain-lain. Respon-respon ini pada pendapat penyelidik adalah lebih kepada luahan emosi ataupun mengelak untuk menjawab persoalan kajian. Ini kemungkinan sebahagian mereka mengalami kelelahan atau kecelaruan politik disebabkan situasi politik negara yang tidak stabil ketika kajian ini dilakukan.

5. PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti besar pengundi muda Melayu di IPTA yang berusia lingkungan 18 tahun memberikan reaksi yang positif terhadap kepentingan literasi politik kepada mereka. Memandangkan kecelaruan dan ketidakstabilan politik yang berlaku pasca Pilihanraya Umum ke-14 dan akhirnya Pilihanraya Dewan Negeri Johor ke-15 telah menjadi titik noktah kepada ketidakstabilan ini apabila parti Barisan Nasional telah menang dengan majoriti 2/3 dan menjadikannya satu kerajaan yang sangat kukuh. Ia telah menjadi satu pengajaran yang amat berharga kepada pengundi terutamanya pengundi muda. Maklum balas yang diberikan menunjukkan bahawa pengundi muda amat terkesan dengan ketidakstabilan ini dan mengharapkan literasi politik mampu membantu mereka untuk memahami sistem, pelaksanaan dan situasi politik di Malaysia. Walaupun pengundi muda Melayu yang masih baharu dalam selok-belok dunia politik yang rata-rata masih dikuasai oleh golongan yang lebih berusia daripada mereka, namun wujud kebimbangan dan keprihatinan dalam kalangan mereka terhadap situasi semasa. Kebimbangan ini adalah relevan memandangkan situasi politik bercelaru bakal memberikan impak yang besar kepada kehidupan mereka kelak, lebih-lebih lagi sebaik sahaja tamat pengajian.

Kajian juga membuktikan bahawa program-program literasi politik yang dilaksanakan diharapkan dapat memberikan kesedaran mengenai tanggungjawab setiap warganegara untuk terlibat dalam sistem politik terutamanya dalam pilihanraya. Jika dilihat kepada perkembangan di luar negara dan apa yang berlaku ketika PRN Johor baru-baru ini, menunjukkan bahawa golongan pengundi muda kurang berminat terhadap politik dan terbukti dengan peratusan yang turun mengundi yang rendah. Lantaran itu, menerusi penerapan literasi politik ini dapat menjadikan mereka lebih berminat serta mengambil tahu mengenai politik dan akhirnya diterjemahkan ke peti undi. Selain memupuk rasa tanggungjawab, ia juga diharapkan dapat menanamkan semangat jati diri dan patriotisma terhadap negara. Mereka juga menyedari hubungkait antara politik dengan keselamatan dan kedaulatan negara.

Ini bukan sahaja membantu mereka dalam membuat keputusan politik demi kelangsungan negara malah mendidik mereka untuk membezakan antara isu politik dan isu membabitkan keselamatan negara.

Mereka berasakan bahawa mereka sepatutnya diberikan ilmu dan kemahiran dalam literasi politik dengan jujur. Kemahiran dan ilmu yang diperolehi ini yang membantu mereka mengamati, menganalisa dan seterusnya untuk membuat pilihan yang terbaik dalam membuat keputusan politik terutamanya di atas kertas undi. Kemahiran yang diperolehi juga mampu menangkis mereka daripada terikut-ikut dengan rakan sebaya selain tidak mudah terpedaya dengan pelbagai janji manis atau manifesto mahupun sogokan daripada parti-parti yang bertanding tanpa mengetahui kesan dan akibatnya. Tidak dinafikan pengaruh rakan sebaya, media sosial dan tawaran yang menarik adalah faktor-faktor yang berupaya memukau pemikiran mereka sehinggakan membelakangi keupayaan rasional mereka dalam membuat keputusan. Situasi berkenaan bukanlah omong-omong kosong tetapi ia diperkukuhkan lagi dengan penemuan-penemuan oleh kajian-kajian terdahulu. Namun, menerusi literasi politik, ia boleh menjadikan mereka lebih bertanggungjawab, yakin dan matang dengan mengambilkira pelbagai aspek sebelum membuat sebarang keputusan bukan sahaja dalam politik malah dalam apa bentuk keputusan pada masa hadapan.

Pengundi muda Melayu juga beranggapan bahawa peranan mereka dalam pembentukan negara tidak perlu dipandang enteng. Menerusi literasi politik ini membolehkan mereka untuk bebas mengutarakan dan berbincang mengenai isu-isu semasa dan politik secara ilmiah, berfakta, matang dan bertindak rasional ke atas sebarang permasalahan yang wujud dalam masyarakat. Lantaran itu, literasi politik bukan sahaja diharapkan mampu menjadikan mereka rasional dalam membuat keputusan-keputusan berkaitan politik malah intipati selera pengundi muda juga perlu diberikan perhatian sewajarnya.

6. KESIMPULAN

Secara umumnya, PRN Johor ke-15 merupakan satu titik noktah kepada ketidakstabilan politik yang berlaku di negeri Johor. Ia memberikan implikasi yang sangat besar bukan sahaja kepada pengundi-pengundi malah kepada golongan pengundi muda terutamanya pengundi yang akan mengundi buat pertama kalinya. Berdasarkan kajian yang dilakukan terbukti bahawa ramai pengundi muda Melayu pertama kali tidak turun mengundi ketika PRN Johor ke-15 dan respon yang diberikan oleh mereka lebih kepada kepentingan literasi politik. Literasi politik yang baik bukan sahaja mendidik dan memberikan pengetahuan serta kemahiran yang diperlukan dalam memahami situasi politik, malah mampu memberikan nilai tambah kepada mereka seperti jati diri, rasa tanggungjawab kepada negara dan menanam semangat patriotisma.

Justeru, literasi politik dilihat mempunyai keperluan amat penting kepada pengundi muda Melayu di IPTA dalam membantu mereka bersemuka dengan realiti politik tanahair yang ada pasang dan surutnya. Bahkan, apa-apa usaha meningkatkan tahap penguasaan literasi politik yang baik adalah wajar didukung dan merupakan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dengan jujur oleh semua pihak. Tidak keterlaluan mengatakan bahawa literasi politik yang baik mampu membantu negara dalam mendepani cabaran globalisasi, mengurus sosio-ekonomi dengan lebih cekap, meningkatkan daya integriti dalam masyarakat dan menangkis pelbagai ancaman yang mampu mengugat keselamatan negara.

RUJUKAN

- Abdul Salim Tajudin. (2018). *Faktor-faktor yang mempengaruhi kepercayaan pengundi Melayu terhadap Barisan Nasional di Wilayah Utara* [Thesis PhD, Universiti Utara Malaysia].
- Amer Saifude Ghazali, Mohammad Redzuan Othman & Zulkanain Abdul Rahman. (2010). Pengundi muda dan pilihan raya kecil parlimen: Tumpuan kepada pilihan raya kecil Parlimen Permatang Pauh, Kuala Terengganu dan Bukit Gantang. *Sarjana*, 25(1), 34-55.
- Denver, D. T., & Hands, H. (1992). *Issues and controversies in British electoral behaviour*. Harvester Wheatsheaf.
- Ilyas Abdullah. (2021). Perpaduan dan krisis politik Melayu: Satu analisis. *Journal of Administrative Science*, 18(1), 323 – 333.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). *Anggaran penduduk semasa Malaysia 2023*. Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Ekonomi.
- Jasmi Mohd. Nasier, Zaini Othman, Eko Prayitno Joko, & Mohammad Haziq Ikhsan Mohd. Rudzainoor. (2018). Media dan literasi politik di Sabah menjelang PRU-14: Kajian kes Parlimen Tawau. *Jurnal Kinabalu*, (Edisi Khas), 199-221.
- ~~Junaidi Awang Besar. (2020). PRU 14 dan Pasca PRU 14: Analisis Politik di Negeri Johor Darul Takzim. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(5), 81-98~~
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Syahrudin Hj Awg Ahmad, Fauzie Sarjono, Mohamad Haziq Ikhsan Mohd Rudzainor, Ajirah Hanim Abdul Halim, Mohd Syukri Zainuddin, Ahmad Aiman Noor Azman & Muhammad Yusuf Idris. (2022). Geopolitics the state of Johore and the performance of political parties in the Johor State General Election 2022. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7(28),1-22.
- Khairunisa'a Mohamad Noor & Junaidi Awang Besar. (2022). Persepsi terhadap penurunan had umur mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun: Kajian kes di Dewan Undangan Negeri (DUN) Dengkil. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(3),1-20.
- Mahat, Mohmadisa Hashim, Nasir Nayan Saiyidatina Balkhis Norkhaidi, and Samsudin Suhaili. (2020). Pola sokongan pengundi muda sebelum Pilihan Raya Umum ke 14 di Malaysia. *GEOGRAFIA Online™ Malaysian Journal of Society and Space*, 16(1), 80-94.
- Muhammad Marwan M.Shukrimun & Supyan Hussin. (2022). Tingkah laku pengundian Etnik Melayu pada Pilihan Raya Umum ke-14. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 19(1), 248-261.
- Noor Amira Sukor & Junaidi Awang Besar. (2022). Faktor sokongan dalam pilihan raya di kawasan DUN Batang Kali, Hulu Selangor, Selangor. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(2),1-14.
- Ramli Dollah, Nordin Sakke, Wan Shawaluddin Wan Hassan, Marja Azlima Omar & Adi Jafar. (2018). Peranan belia dan PRU-14 di Sabah: Kajian kes di P.188 Silam. *Jurnal Kinabalu* , 319-349.
- Shah Mohd Akmal Abdul Halim. (2022). Politik lama versus politik baharu: Dinamika politik Melayu dalam Pilihan Raya Negeri Johor 2022. *Global Journal Al-Thaqafah*, 12(1), 117-144.
- Suhaimee Saahar @ Saabar, Mohd Khairuddin Othman & Ahmad Danial Faris Anuar. (2021). kesan senario politik ke atas tingkah laku dan niat pengundi PRN Johor 2022. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(5), 1-15.
- Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia. (2022). *Stats @ PRU Dewan Negeri Johor Ke-15*. <https://www.spr.gov.my/sites/default/files/PRU%20DUN%20JOHOR%20KE-15%20150322.jpg>.
- Wan Saiful Wan Jan. (2020). *Why did BERSATU leave Pakatan Harapan?* (No. 10). ISEAS-Yusof Ishak Institute
- Zawiyah Mohd Zain. (2021). Budaya politik masyarakat Melayu: Satu analisis. *GEOGRAFIA Online™ Malaysian Journal of Society and Space*, 17(1), 297-311